

1. **Apakah Kempen Air Selangor X Inside Scoop?**

Kempen Air Selangor X Inside Scoop adalah inisiatif Air Selangor dengan kerjasama Inside Scoop untuk mempromosikan pembayaran e-Bil. Pengguna Air Selangor perlu memuat turun aplikasi Air Selangor dan mendaftar e-Bil. e-Bil membolehkan pengguna Air Selangor menerima bil air mereka melalui platform digital seperti e-mel atau aplikasi WhatsApp.

2. **Berapa lamakah Tempoh Kempen Air Selangor x Inside Scoop?**

Kempen ini bermula pada 26 Jun 2023 dan berakhir pada 31 Ogos 2023 ("**Tempoh Kempen**").

3. **Siapakah yang layak menyertai Kempen ini?**

Semua pengguna domestik Air Selangor di bawah Kod 10 Pengguna Domestik, yang berumur 18 tahun dan ke atas, dan telah mendaftar untuk e-Bil buat pertama kali sepanjang Tempoh Kempen, boleh menyertai Kempen ini (kecuali kakitangan Air Selangor) dan membuat pembayaran bil air melalui aplikasi mudah alih Air Selangor, tertakluk kepada Terma dan Syarat Am.

4. **Bolehkah pengguna Air Selangor yang telah mendaftar e-Bil sebelum Tempoh Kempen menyertai Kempen ini?**

Kempen ini hanya terbuka kepada pengguna Air Selangor yang mendaftar e-Bil sepanjang Tempoh Kempen.

5. **Bolehkah pengguna Air Selangor yang mempunyai lebih daripada 1 akaun bekalan air yang didaftarkan dibawah satu penama memenangi baucar untuk setiap akaun tersebut?**

Tidak boleh. Jika pengguna Air Selangor mempunyai lebih daripada 1 akaun bekalan air yang telah mendaftar e-Bil di bawah nama dan kad pengenalan yang sama sepanjang Tempoh Kempen, maka hanya 1 akaun yang layak untuk memenangi baucar tersebut sepanjang Tempoh Kempen ini.

6. **Bagaimanakah peserta boleh mendapatkan baucar kod unik?**

Hanya peserta yang telah memenangi Kempen ini akan menerima baucar kod unik melalui e-mel satu bulan selepas Tempoh Kempen.

7. **Apakah kriteria untuk pemilihan pemenang?**

Pemenang akan dipilih berdasarkan kriteria yang berikut:-

- pengguna baharu atau sedia ada aplikasi Air Selangor;
- pendaftar baharu e-Bil sepanjang Tempoh Kempen;
- tidak mempunyai bil air tertunggak
- 10,000 pengguna Air Selangor pertama yang membuat pembayaran bil air melalui aplikasi Air Selangor sepanjang Tempoh Kempen

- bukan pekerja Air Selangor.

8. **Bolehkah saya mendaftar e-Bil menggunakan selain daripada aplikasi Air Selangor dan masih layak untuk menyertai Kempen ini?**

Anda layak untuk menyertai Kempen ini apabila mendaftar e-Bil melalui aplikasi Air Selangor, laman web Air Selangor atau kaunter perkhidmatan Air Selangor dan membuat pembayaran bil air melalui aplikasi mudah alih Air Selangor sepanjang Tempoh Kempen.

9. **Bagaimanakah pengguna-pengguna Air Selangor boleh mengetahui lebih lanjut tentang Kempen Air Selangor x Inside Scoop?**

Untuk maklumat lanjut, layari <https://www.airselangor.com/airselangorxinsidescoop2023/>